

LAMPIRAN 1**DISKRIPSI FAIL MENARIK DALAM KUMPULAN REKOD MENCAPAI TARAF ARKIB
BAGI SUKU KEDUA TAHUN 2012**

BIL.	NO. PENERIMAAN	TAJUK	DISKRIPSI
1.	1988/0000672	Mesyuarat Pengarah-Pengarah SERU	Maklumat mengenai laporan-laporan mesyuarat Pengarah-Pengarah SERU dan laporan belanjawan SERU 1985. Antara yang dibincangkan adalah cadangan dan perkembangan projek penyelidikan pada tahun 1986 hingga 1990. Kajian asas sosioekonomi di beberapa kawasan juga dilakukan. Turut disertakan ialah kertas kerja oleh Ketua Pengarah SERU yang bertajuk "Penilaian Kritikal Terhadap Penerbitan Perspektif/ Forum Pembangunan". Masa depan SERU turut dibincangkan dan ia bergantung kepada kecekapan dan persediaan yang ada pada setiap anggota.
2.	1988/0000701	Arahan Ketua Pengarah SERU	Maklumat mengenai arahan Ketua Pengarah dalam penubuhan jawatankuasa statistik dan kegiatan mengesan isu-isu sosioekonomi negara di SERU. Turut tersenarai, laporan bulanan aktiviti cawangan dan hasil penyelidikan SERU.
3.	1988/0000837	Majlis Mesyuarat Raja-Raja & Keberangkatan KDYMM Sultan	Maklumat mengenai pemberitahuan keberangkatan KDYMM Sultan dan DYMM Raja Perempuan Kelantan dan Kedah ke luar negara dan dalam negeri. Juga terdapat pemberitahuan mengenai Persidangan Majlis Raja-Raja ke 123 hingga ke 134.
4.	1992/0005238	Kursus Animasi	Maklumat mengenai pemohonan mengadakan kursus animasi di Institut Persiaran Tun Abdul Razak (IPTAR) dengan kerjasama RTM kepada Kementerian Pelajaran dan senarai keperluan untuk menjalankan program.

5.	1992/0006082	Penyiasatan Kesejahteraan Hidup Isi-Rumah (HWBS)	Maklumat mengenai profil daerah-daerah di Sarawak terutamanya di Kuching, Sri Aman dan Bintulu. Kajian telah dijalankan dan data responden telah dicatatkan, konsep kualiti hidup seperti hasil pengeluaran, taraf kesihatan dan pemakanan yang baik dan lain-lain. Melalui kajian ini telah dapat mengesahkan masalah utama di kawasan tersebut iaitu masalah sistem perhubungan . Tindakan telah diambil untuk mengatasi isu setinggan di Bintulu seperti menyediakan tempat kediaman mengikut pendapatan isi rumah dan lain-lain.
6.	1994/0009703	Unesco Science Education	Maklumat berkaitan dengan projek-projek yang dijalankan oleh UNESCO dalam memberi pendedahan kepada masyarakat terutama pelajar dan guru mengenai sains dan teknologi. Antara program-program yang dijalankan seperti kursus penggunaan mikrokomputer di Bangkok. Juga bekerjasama dengan Jabatan Kejuruteraan Kimia dalam memperkenalkan, menghasilkan dan menggunakan <i>methanol</i> di Malaysia. Kajian turut dilakukan mengenai penglibatan wanita dalam sektor sains dan latihan di Malaysia. Sembilan projek besar telah dijalankan untuk sektor sains untuk memberi sokongan kepada program-program kajian di institusi dalam negara seperti “ <i>Unesco Pilot Project: “Link Between School Education And Out-Of School Sciences Activities For Young People”</i> .
7.	1995/0025281	Meeting of Experts on Youth Unemployment	Maklumat mengenai program yang diadakan oleh UNESCO seperti menerbitkan artikel yang membincangkan masalah sosial dan pengangguran di kalangan warga muda di dunia serta seminar mengenai teori dan latihan peningkatan pengurusan di Paris

8.	1998/0037067	Penubuhan Lembaga Penasihat Pulau Pinang	Maklumat mengenai cadangan penubuhan Sekretariat Lembaga Penasihat Pulau Pinang berikutan masalah kelewatan menimbang rayuan daripada banduan. Keputusan diambil dan bersetuju melantik pengurus dan ahli tambahan untuk Lembaga Penasihat dan menyenaraikan kelayakan untuk jawatan tersebut. Pemohonan juga dibuat untuk menyedia dan mengubahsuai pejabat Lembaga Penasihat dan menyediakan lain-lain kemudahan.
9.	1999/0039835	Analisa Keputusan Peperiksaan SPVM	Maklumat mengenai analisa keputusan peperiksaan SPVM sekolah menengah teknik vokasional seluruh Malaysia dari tahun 1983-1986 seperti Sekolah Menengah Vokasional (SMV) Setapak, SMV Kemunting, SMV Kangar, SMV Seremban dan SMV Johor Bahru.
10.	2000/0025137	Inter-Governmental Group On Grains National Grains Policies	Maklumat berkaitan laporan dari <i>FAO (Food and Agriculture Organization of The United Nation)</i> mengenai polisi bijirin negara dan aspek-aspek pengeluaran bijirin dan beras. Terdapat juga maklumat berkaitan dengan bahan utama yang diimport oleh negara-negara luar seperti Jerman, Perancis, United Kingdom, dan China.
11.	2002/0021442	Mesyuarat Mengenai Pembangunan & Pemasaran Industri Pelancongan Di Bandaraya Kuala Lumpur	Maklumat mengenai laporan mesyuarat untuk mengkaji jangka pendek dan jangka panjang pembangunan dan peningkatan kawasan <i>Golden Triangle</i> di Kuala Lumpur serta mengkaji aspek lain yang berkaitan dengan pelancongan dan lain-lain. Turut dibincangkan ialah kedudukan Bandaraya Kuala Lumpur sebagai kawasan pelancongan dan bertukartukar pandangan dengan pihak Dewan Bandaraya dan Kementerian Wilayah Persekutuan selain mengambil kira aktiviti-aktiviti pembangunan dan pemasarannya. Kerajaan juga telah memperuntukkan sebanyak RM700,000 untuk mengatasi masalah banjir di Kuala Lumpur pada tahun 1987.

12.	2002/0023335	K.P.N. Besut. Projek Memperbaiki Taraf Sosial & Ekonomi Nelayan Kuala Besut	Maklumat mengandungi laporan suhu tahunan dan laporan kemajuan pelaksanaan projek Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM). Strategi untuk meningkatkan pendapatan nelayan di KPN Besut. LKIM turut melakukan penyusunan semula kawasan Pulau Perhentian Kecil dan perancangan pembangunan untuk masyarakat nelayan bagi tahun 1986. Turut serta Laporan Bilangan Faedah Dan Penyelarasan Kawasan Pembangunan Nelayan.
13.	2003/0014900	Langkah-Langkah Mengatasi Kesan-Kesan Kemelesetan Ekonomi	Maklumat mengenai langkah-langkah mengatasi kesan-kesan kemelesetan ekonomi pada tahun 1986 seperti menubuhkan pasukan petugas yang bertanggungjawab. Kerajaan telah mengambil langkah membatalkan projek-projek mewah dan membina kawasan perumahan kos rendah, mengusahakan kawasan tanah terbiar dan bekas lombong untuk dijadikan kawasan pertanian. Mesyuarat khas untuk membincangkan masalah kemelesetan ekonomi negara telah diadakan dan dipengerusikan oleh Pemangku Perdana Menteri. Dua strategi telah diputuskan iaitu menggiat sektor pembinaan ke arah pembinaan rumah-rumah kos rendah dan menggiatkan penanaman makanan, koko dan kelapa sawit. Kementerian yang terlibat termasuklah Kementerian Pertanian dan Bahagian Perkhidmatan Haiwan.
14.	2004/0021985	Lawatan Bagi Mengkaji Secara Terperinci Sambutan Pengusaha-Pengusaha Getah Dari Negara-Negara Jiran Akan Penginterasian Getah Ke Dalam KLCE	Maklumat mengenai cadangan menaik taraf sistem tender antara MRE dan RAS. Pegawai-pegawai LPPGM dan Bursa bekerjasama dalam membantu broker dari sudut kewangan pada tahun 1985. Turut tersenarai peraturan urusniaga kontrak hadapan getah dan laporan lawatan KLCE ke Indonesia

15.	2005/0016550	Laporan Bagi Taklimat Dengan Pengarah Gerakan Negara	Maklumat mengenai taklimat kepada DYMM Sultan dan menteri-menteri mengenai projek-projek berkaitan dengan air. Turut tersenarai projek pembinaan tangki menara dan kolam air di Johor dan Felda. Projek-projek berkaitan juga diluluskan untuk pelaksanaan di dalam RMK-5 seperti loji pembersihan dan tangki menara di Semenanjung Malaysia, simposium pembangunan pegawai-pegawai Jabatan Penerangan Malaysia dan mengatasi masalah tenaga kerja bekalan air di Semenanjung. Jabatan juga mengambil langkah-langkah mengatasi masalah air di Semenanjung dan perjanjian air antara Johor dan Singapura. Graf juga menunjukkan peningkatan permintaan bekalan air antara tahun 1959 dan 1983 iaitu sebanyak 800%.
16.	2005/0016597	Kajian Bekalan Air Lembah Kelang	Maklumat berkaitan penyelidikan loji rawatan air Semenyih dan bekalan air di kawasan Lembah Kelang. Projek seperti kerja meninggikan empangan Genting Kelang pada tahun 1979 dan menambahbaik kawasan Lembah Kelang telah dijalankan. Pada Januari 1980, punca air di Sungai Langat berkurangan daripada 55 juta gelen kepada 42 juta gelen sehari serta kawasan Kuala Lumpur dan Petaling Jaya mendapat bekalan air yang tidak memuaskan berikutan kerja-kerja <i>welding</i> telah dijalankan dan tiada hujan dalam masa 2 minggu
17.	2005/0018847	Laporan Ekonomi Dan Maklumat Pasaran - Libya	Maklumat mengenai keadaan ekonomi semasa Libya termasuk sektor petroleum, pertanian, industri, pembangunan dan lain-lain. Ekonomi Libya yang bergantung kepada hasil pendapatan minyak telah mengalami penurunan dan memberi kesan kepada ekonomi negara itu sekitar 1984 hingga 1986.

18.	2005/0018811	Laporan Ekonomi Dan Maklumat Pasaran Philipines	Maklumat mengenai keadaan ekonomi di Filipina dalam tahun 1984 hingga 1986. Terdapat akaun pendapatan negara tersebut dan maklumat keadaan negara tersebut ketika mengalami krisi ekonomi. Senarai bajet dari tahun 1980 hingga 1985 dan dasar perhutanan, pertanian dan perikanan dari tahun 1975 hingga 1982 juga disertakan. Langkah-langkah yang diambil oleh Filipina bagi mengatasi masalah ekonomi seperti penyusunan semula penggunaan wang, memberi keutamaan kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan ekonomi dan meningkatkan usaha pembangunan sosial.
-----	--------------	---	--